

# JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEP) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Rujukan Kami : UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (64 )  
Tarikh : 19 Jun 2022

## PEKELILING PELAJAR BIL. 4/2022

### PELAKSANAAN KAD PRIHATIN SISWA BAGI PELAJAR SEPENUH MASA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MULAI TAHUN 2022

Pelajar,  
Universiti Teknologi Malaysia

Dengan hormatnya saya menarik perhatian saudara/i kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 117 bertarikh 22 Februari 2022 telah meluluskan pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa yang merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan merupakan antara sebelas (11) usul yang dikemukakan oleh perwakilan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) kepada Kepimpinan Tertinggi Negara semasa pertemuan yang diadakan pada 30 Jun 2020.
3. Objektif utama pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa adalah seperti berikut :
  - (i) Memperkasa dan mempelbagaikan fungsi kad matrik pelajar IPT;
  - (ii) Memudahkan penyaluran peruntukan atau bantuan kewangan terus ke akaun pelajar;
  - (iii) Transformasi ekosistem transaksi kewangan di IPT ke arah *cashless* kampus; dan
  - (iv) Menyeragamkan kemudahan atau fasiliti dan tawaran/keistimewaan/ganjaran/promosi kepada pelajar IPT.
4. Justeru, bagi permulaan ianya melibatkan pelajar sepenuh masa. Oleh yang demikian, semua pelajar sepenuh masa Universiti Teknologi Malaysia diminta mengambil maklum dan tindakan lanjut terhadap perkara berikut :

#### 4.1 Kad Matrik Pelajar

- 4.1.1 Pertukaran kad matrik pelajar sedia ada kepada Kad Prihatin Siswa (Tarikh akan dimaklumkan).

#### 4.2 Pengesahan Persetujuan Pelajar (*Student Consent*)

- 4.2.1 Pengesahan Persetujuan Pelajar (*Student Consent*) bermaksud pelajar bersetuju memberikan kebenaran kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia untuk memproses dan mengendalikan penggunaan data peribadi pelajar sebagaimana dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).
- 4.2.2 Pelajar perlu membuat **pengesahan persetujuan** melalui portal MyUTM di pautan <https://my.utm.my>.

4.2.3 Pelajar adalah diminta untuk meneliti isi kandungan Persetujuan Pelajar bagi pertukaran Kad Matrik Pelajar kepada Kad Prihatin Siswa.

4.2.4 Tiada sebarang caj atau bayaran yang perlu ditanggung oleh pelajar.

#### 4.3 Tempoh Pengisian maklum balas Persetujuan Pelajar Kad Prihatin Siswa

4.3.1 Pelajar boleh mula membuat pengisian maklum balas Persetujuan Pelajar (*Student Consent*) Kad Prihatin Siswa mulai **22 Jun 2022** hingga **5 Julai 2022**.

5. Tarikh kuat kuasa adalah bermula dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa sila hubungi di talian 011-1868 7022 atau e-melkan kepada [bkkthep@utm.my](mailto:bkkthep@utm.my).

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKSMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
b.p. : Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Dekan-Dekan Fakulti